

20 DEC 1996

Abdullah-Guinea (Bergambar)

KEDUTAAN M'SIA DI GUINEA DIBUKA TIDAK LAMA LAGI, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 20 Dis (Bernama) -- Malaysia sedang membuat persediaan untuk menubuhkan sebuah pejabat kedutaannya di Conakry, Guinea dalam usaha meningkatkan hubungan kedua-dua negara, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Beliau berkata, keputusan membuka kedutaan itu yang diluluskan Jemaah Menteri baru-baru ini akan disampaikan kepada Presiden Guinea Lansana Conte melalui Menteri Sumber Asli dan Tenaga negara itu, Fassine Fofana yang kini berada di sini.

"Pejabat kedutaan itu akan dibuka tidak lama lagi dan kini kita sedang menentukan pegawai untuk dilantik sebagai duta di sana," katanya kepada pemberita selepas menerima kunjungan hormat Fofana di Wisma Putra, di sini.

Abdullah berkata, keputusan menubuhkan kedutaan itu telah diputuskan ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Guinea awal bulan lepas.

Guinea telah menubuhkan kedutaannya di Kuala Lumpur baru-baru ini, yang pejabatnya akan dirasmikan oleh Fofana malam ini, katanya.

Mengenai pertemuannya dengan Fofana, Abdullah berkata antara perkara yang dibincangkan ialah pelaksanaan lanjut projek-projek yang dirancang bersama ketika lawatan Dr Mahathir itu.

Antara projek kerjasama yang akan diceburi ialah dalam bidang penjanaaan kuasa, telekomunikasi, perhotelan dan pembuatan, katanya.

Menurut Abdullah, Fofana juga mengemukakan beberapa bidang baru yang boleh diterokai syarikat swasta Malaysia di negara itu antaranya perlombongan bauksit dan perladangan nenas di samping menyatakan minat untuk bekerjasama dengan pihak swasta dalam perladangan kelapa sawit.

Fofana yang bertanggungjawab menyelaras rancangan kerjasama Malaysia-Guinea, akan menemui pihak swasta Malaysia mengenai pelaksanaan projek berkenaan, katanya.

Beliau berkata, negara itu juga berhasrat mewujudkan sebuah organisasi seperti Lembaga Urusan Tabung Haji dalam pengurusan jemaah hajinya.

Dalam bidang latihan, Malaysia, melalui Unit Perancangan Ekonomi (EPU) akan membantu Guinea melatih pegawai kerajaannya bagi melaksanakan kerjasama pembangunan dan ekonomi di samping latihan di Institut Diplomasi dan Hubungan Luar di sini.

Guinea, terletak di benua Afrika dan merupakan bekas jajahan Perancis dengan penduduk seramai tujuh juta.

Ketika lawatan Dr Mahathir di negara itu, beberapa kerjasama dimeterai antara pihak swasta dan kerajaan kedua-dua negara yang meliputi bidang seperti perbankan, telekomunikasi, perhotelan dan perdagangan. -- BERNAMA

RAZ PR